



**PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING**

<b>Newspaper</b>	Utusan Malaysia
<b>Date</b>	6 March 2016

## Najib bertemu Ahli Parlimen Barisan Nasional

**PUTRAJAYA 5 Mac** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengadakan Mesyuarat Pra-Persidangan Sesi Parlimen bersama Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) di Kompleks Seri Perdana, di sini malam ini.

Mesyuarat sebelum sesi mesyuarat pertama Parlimen bagi penggal keempat yang akan bermula Isnin ini merupakan satu amalan biasa

yang dilakukan sebelum sesebuah sesi Parlimen diadakan.

Mesyuarat kira-kira satu jam setengah itu bermula pada pukul 8.30 malam dan berakhir kira-kira pukul 10 malam.

Ahli Parlimen Kuala Pilah, Datuk Seri Hasan Malek berkata, hampir kesemua Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara menghadiri mesyuarat berkenaan malam ini.

Katanya, pada mesyuarat tersebut, Perdana Menteri telah meminta semua Ahli Parlimen BN untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan ikhlas serta bersungguh-sungguh.

Beliau memberitahu, Ahli-Ahli Parlimen turut diberi taklimat berhubung senarai aturan soalan yang akan dikemukakan serta dijawab di sepanjang sesi Parlimen akan da-

tang.

"Mesyuarat ini adalah mesyuarat biasa yang diadakan setiap kali sebelum sesi Parlimen. Seperti mesyuarat-mesyuarat sebelum ini, Perdana Menteri turut menegaskan soal kehadiran Ahli-Ahli Parlimen BN.

"Selain itu, Menteri juga diminta hadir menjawab pada sesi penggulangan nanti," katanya.

um- 6/3/2016